

SOALAN LAZIM

1) Bilakah boleh mula mengundi artis kegemaran anda?

Pada pusingan pertama, anda boleh mula mengundi pada jam 12.00 tengah hari pada 15 Julai sehingga 14 Ogos 2019 di portal www.abpbh.com.my.

Pada pusingan kedua pula, anda boleh mengundi calon Top 5 pada 20 Ogos sehingga 15 September 2019.

2) Bilakah tarikh tutup undian?

Tarikh tutup undian untuk pusingan pertama adalah pada 14 Ogos 2019, pada jam 11.59 malam dan bagi pusingan kedua (Top 5) adalah 15 September 2019 pada jam 11.59 malam.

3) Bagaimanakah proses mengundi dilakukan?

Anda diberi peluang mengundi secara percuma sebanyak 15 kali bagi 20 kategori/selebriti untuk satu pusingan (15 Kategori Am dan 5 Kategori Online). Setelah selesai satu pusingan mengundi, sistem undian akan direhatkan selama 1 jam 30 minit bagi tujuan keselamatan. Anda boleh mengundi semula selepas tempoh itu.

4) Bagaimana cara untuk menggandakan undian?

Anda boleh menggandakan undian melalui platform 'DuitNow' dengan melanggan BH Digital yang disediakan di portal www.abpbh.com.my. Anda hanya perlu klik butang 'DuitNow' dan ikuti langkah yang disediakan. **Boleh rujuk di <https://www.abpbh.com.my/cara-mengundi/duitnow>*

Setiap pembelian langganan BH Digital melayakkan anda mendapat mata undian gandaan seperti jadual di bawah.

Jadual 1 Langganan BH Digital Individu - Pakej DuitNow

PAKEJ	LANGGANAN BH DIGITAL	HARGA LANGGANAN	GANDAAN MATA UNDIAN DUITNOW
A	1 hari	RM0.50	30
B	1 bulan	RM19	1,200
C	3 bulan	RM49	3,100
D	1 tahun	RM159	9,950

**Sila rujuk terma dan syarat untuk keterangan lanjut.*

Selain itu, anda juga boleh menggandakan undian dengan menekan butang 'LANGGAN SEKARANG' dan ikuti langkah yang disediakan.

*Boleh rujuk di <https://www.abpbh.com.my/cara-mengundi/epaper>

Setiap pembelian langganan BH Digital melayakkan anda mendapat mata undian gandaan seperti jadual di bawah.

Jadual 2 Langganan BH Digital Individu - Pakej Langganan

PAKEJ	LANGGANAN BH DIGITAL	HARGA LANGGANAN	GANDAAN MATA UNDIAN
A	1 hari	RM0.50	5
B	1 bulan	RM19	190
C	3 bulan	RM49	490
D	1 tahun	RM159	1590

**Sila rujuk terma dan syarat untuk keterangan lanjut.*

Bermula pada 29 Ogos 2019, kadar undian berubah seperti jadual di bawah:

PAKEJ	LANGGANAN BH DIGITAL	HARGA LANGGANAN	GANDAAN MATA UNDIAN 'LANGGANAN'	GANDAAN MATA UNDIAN 'DUITNOW'
A	1 hari	RM0.10	5	30
B	1 bulan	RM19	190	1,200
C	3 bulan	RM49	490	3,100
D	1 tahun	RM159	1590	9,950

Dengan kadar serendah RM0.10, anda boleh melanggan BH Digital di samping mengundi selebriti kesayangan anda!

5) Apakah 'DuitNow'? Adakah selamat menggunakan 'DuitNow'?

'DuitNow' adalah satu perkhidmatan perbankan baru diperkenalkan oleh Paynet - agensi dibawah Bank Negara yang memudahkan pengguna membuat pindahan duit tanpa

memerlukan nombor akaun semata mata. Pindahan duit boleh dibuat dengan lebih mudah hanya menggunakan nombor telefon, nombor kad pengenalan atau passport (bukan warganegara). Tiada sebarang kos dikenakan.

Anda boleh dapatkan info lanjut di portal <https://www.duitnow.my/#howto>

6) Apakah perbezaan antara pakej undian ‘Langganan’ dan ‘DuitNow’?

Pakej undian ‘Langganan’ dan ‘DuitNow’ melayakkan anda mendapat mata undian gandaan melalui langganan BH Digital. Perbezaan kedua pakej ini adalah **jumlah mata gandaan** yang diperolehi dengan harga dan tempoh langganan yang sama.

Jadual 1: Perbezaan Gandaan Mata Undian ‘BOOST’ dan ‘DUITNOW’

PAKE J	LANGGANAN BH DIGITAL	HARGA LANGGANAN	GANDAAN MATA UNDIAN ‘LANGGANAN’	GANDAAN MATA UNDIAN ‘DUITNOW’
A	1 hari	RM0.10	5	30
B	1 bulan	RM19	190	1,200
C	3 bulan	RM49	490	3,100
D	1 tahun	RM159	1590	9,950

7) Jika terlebih membuat pembayaran pakej langganan BH Digital, adakah baki akan dikembalikan?

Tidak. Jika pembayaran yang tidak tepat, jumlah perbezaan secara automatik disumbangkan kepada sekolah terpilih DUITNOW sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat melalui Akhbar Didik Berita Harian. Oleh itu, sila pastikan nombor telefon selebriti yang dipilih adalah betul berserta pakej langganan BH Digital yang tepat untuk mengelak sebarang masalah.

8) Adakah mata undian akan bertambah jika pembayaran dibuat melebihi pakej langganan,?

Tidak, pembayaran yang melebihi pakej langganan yang dipilih tidak akan menjurus kepada kenaikan undian. Setiap transaksi perlulah mengikut pakej langganan yang disediakan. NSTP dan DUITNOW tidak akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang penipuan daripada pihak luar/ketiga.

9) Jika terkurang membuat pembayaran pakej langganan BH Digital, adakah wang akan dikembalikan?

Tiada proses pemulangan wang daripada pihak The New Straits Times Press (NSTP) bagi pembayaran yang kurang nilai daripada pakej langganan BH Digital. Oleh itu, sila

pastikan nombor telefon selebriti yang dipilih adalah betul berserta pakej langganan yang tepat untuk mengelak sebarang masalah. Setiap transaksi perlulah mengikut pakej langganan yang disediakan. NSTP dan DUITNOW tidak akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang penipuan daripada pihak luar/ketiga.

10) Bolehkah membeli lebih daripada satu langganan BH Digital untuk menambah gandaan mata undian ABPBH32?

Ya, anda boleh membeli lebih daripada satu langganan BH Digital dan boleh terus mengundi menggunakan e-mel yang sama.

11) Bolehkah mata gandaan undian dikongsi dengan kategori atau selebriti lain?

Tidak, mata gandaan undian tidak boleh dikongsi atau dipindah milik. Setiap langganan BH Digital hanya tertakluk kepada seorang selebriti sahaja.

12) Bilakah malam kemuncak ABPBH32?

Malam kemuncak ABPBH32 ialah pada 22 September 2019.

13) Bagaimanakah tiket boleh dibeli?

Pihak Berita Harian akan mengumumkan berkenaan tiket Malam Kemuncak ABPBH32 di portal www.abpbh.com.my dan juga di media sosial ABPBH. Pastikan anda sentiasa mendapat liputan terkini mengenai ABPBH32 di platform tersebut.

*Tertakluk kepada perubahan.